

Hikayat Sarawak

Karya Asal
Muhammad Rakawi Yusuf

Ditransliterasikan
dengan Pengenalan oleh
Nordi Achie



UNIVERSITI
MALAYA
KUALA LUMPUR

Rm 50.00

Hikayat Sarawak



SAR00015425

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Hikayat Sarawak

karya asal

Muhammad Rakawi Yusuf

Ditransliterasikan
dengan Pengenalan oleh
Nordi Achie



PENERBIT
**UNIVERSITI
MALAYA**
KUALA LUMPUR

Kandungan



Prakata	vii
Senarai Gelaran	xi
Senarai Singkatan	xiii
Sistem Transliterasi	xv
Nota kepada Pembaca	xvii
Pengenalan	1
Hikayat Sarawak Versi Rumi	25
Sepatah Kata	27
Lidah Pengarang	29
Fasal 1 Pulau Borneo	31
Fasal 2 Pengembara2 Menemui Pulau Borneo dan Kemegahan Negeri Brunei	35
Fasal 3 Daftar - Sultan2 yang Berturun-temurun di Negeri Brunei	41
Fasal 4 (Tumpuan Bangsa2 ke Pulau Borneo) Bangsa Cina dan Hindu	45
Fasal 5 Benih Indonesian - (Bangsa Ukit Bukitan dan Punan)	49
Fasal 6 Kayan dan Kenyah	53
Fasal 7 Bangsa Melanau	57
Fasal 8 Bangsa Kedayan	59
Fasal 9 Land Dayak dan Sea Dayak	61
Fasal 10 Bangsa Melayu	65
Fasal 11 Datu' Undi > dan Asal Melayu Sarawak	67
Fasal 12 Sir James Brooke K.C.B.	69
Fasal 13 Kerajaan Sarawak Darul Hana	73
Fasal 14 Kesampaian James Brooke di Bandar Kuching	77
Fasal 15 James Brooke Membantu Raja Muda Hasyim dan Pergaduhan Sarawak dengan Brunei Didamaikan	81
Fasal 16 Helah Pangiran Muda Hasyim	85
Fasal 17 Perserahan Negeri Sarawak kepada James Brooke	89
Fasal 18 Surat Perserahan Negeri	93

Fasal 19	Pergerakan Raja James Brooke	95
Fasal 20	Raja James Brooke Ditabalkan di dalam Brunei	101
Fasal 21	Ketetapan Raja James Brooke Menjadi Raja Sarawak - Suatu Keterangan daripada Sultan Brunei Dimasyhurkan	103
Fasal 22	Dari Hal Perompak2 Laut - Lanun dan Lain2nya	107
Fasal 23	Memayar (meraih) Lanun di Laut Borneo	113
Fasal 24	Melanggar Saribas	115
Fasal 25	Melanggar Putusan dan Sekrang dan Kematian Datu' Patinggi Ali	119
Glosari		125
Bibliografi		131
Indeks		137
Hikayat Sarawak	Versi JAWI (Asal)	141



diberikan oleh Daud Abdul Ghani.² Kedua-duanya merupakan sahabat karib Muhammad Rakawi Yusuf yang turut mendukung perjuangan reformis Islam di Sarawak. Sebelum dicetak, manuskrip *HS* dihantar kepada Daud sekitar Mac-April 1932 untuk diteliti isi kandungan dan ejaannya. Dalam tempoh pertengahan April hingga akhir Jun, Rakawi Yusuf memperbaikinya. Lidah Pengarangnya ditulis oleh Rakawi Yusuf pada 1 Julai. Tidak dapat dipastikan jumlah cetakan pertamanya dan kawasan edaran kerana tidak dijumpai rekod mengenainya. Besar kemungkinan *HS* siap dicetak dan diedar sekitar suku akhir 1932. Jika dilihat dari aspek kebahasaannya, terdapat beberapa penggunaan perkataan Arab dan pengaruh dialek Melayu Sarawak.

HS terbahagi kepada 25 Fasal yang merangkumi tiga aspek utama. Pertama, latar belakang Borneo dan Sarawak sebelum 1839 (Fasal 1-11). Kedua, kedatangan dan penglibatan James Brooke di Sarawak pada 1839-1841 (Fasal 12-18). Ketiga, pengukuhan kuasa dan perluasan empayar James Brooke pada 1841-1846 (Fasal 19-25). Fasal 12-25 ditulis secara kronologi. Tujuannya untuk memudahkan pembaca mengikuti perkembangan sejarah Sarawak. Fasal terpendek satu halaman (Fasal 8) dan terpanjang lapan halaman (Fasal 24) sahaja. Rakawi Yusuf juga memaklumkan adanya Jilid II (*HS*) yang mengandungi 30 Bab akan mengiring dengan berapa segera". Tetapi, tidak ditemui naskhahnya sehingga kini. Sama ada *HS* Jilid II diterbitkan atau sebaliknya, tidaklah dapat dipastikan.

Dalam rangka memperkenalkan *HS* dan pengarangnya, perlu dinyatakan peri pentingnya membandingkan aspek kepengarangan dan pemikiran yang terpancar menerusi *HS* dengan *The History of Sarawak* (1909). Sekiranya aspek persamaannya sahaja yang diperkatakan, kesannya bukan sahaja mengelirukan, malah memesongkan kepentingan *HS* khasnya nilai kesejarahannya sebagai karya sejarah tradisional yang mempunyai kelainannya tersendiri berbanding *HoS*. Dengan mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua karya sejarah itu, kita dapat mengangkat peranan *HS* sebagai penceran pemikiran pengarangnya. Selain itu, menampilkkan keberdayaan Rakawi Yusuf menzahirkan pentafsirannya terhadap sejarah Sarawak, seperti yang akan disentuh selanjutnya.

Perbezaan pemikiran antara pengarang kedua-dua buku itu turut mendedahkan hakikat bahawa adanya kontradiksi halus tetapi tegas antara pertembungan dua arus perspektif dan arung pemikiran – nilai kolonial (*HoS*) dan antikolonial (*HS*). Perlu ditegaskan, pancaran pemikiran sedemikian sifatnya itu hanya dapat dikesan dengan membandingkan isi kandungan *HS* dengan *HoS*. Hanya menerusi kaedah ini, penulis dapat menyingkap nilai kesejarahan *HS* kerana karya sejarah ini telah menguak ufuk baharu bersabit perspektif dan


pemikiran dalam persejarahan Sarawak. Aspek inilah yang mewajarkan penulis meletakkan *HS* sebagai karya sejarah yang penting untuk dikaji dengan lebih terperinci pada masa akan datang.

Pada masa yang sama, demi memastikan *HS* tidak menjadi mangsa pengharaman pihak penguasa, unsur-unsur memuji James Brooke dan angkatan tenteranya, di samping menjengkelkan golongan "seteru" dinasti Brooke, sememangnya tidak dapat dielakkan sama sekali. Hakikat zamannya ialah zaman penjajahan Barat. Kuasa terletak dalam tangan penguasa Brooke. Namun, perlu dinyatakan di sini, Rakawi Yusuf tetap tidak bersikap berlebih-lebihan ketika menyatakan pujiannya kepada James Brooke, malah Rakawi Yusuf tidak bersikap keterlaluan mengecam "seteru" dinasti Brooke. Malah, ada kalanya, Rakawi Yusuf menyokong golongan yang menentang penguasaan dan perluasan empayar Brooke, sekalipun hanya dinyatakan secara halus. Jika diperhalusi gaya kepengarangannya, jelas Rakawi Yusuf berusaha membataskan semangat antikolonialnya dengan memelihara batasan kemelampauan dalam penulisannya. Mengapakah Rakawi Yusuf memilih pendekatan ini? Hanya menerusi strategi penulisan yang licik dan lincah seperti ini, Rakawi Yusuf dapat menyelamatkan dirinya (daripada tekanan pihak penguasa) sambil meneruskan kelangsungan penerbitan *HS*. Dari segi ini, ternyata strategi Rakawi Yusuf menepati hasratnya.


II

HoS diterbitkan pada 1909 oleh Henry Sotheran & Co., London dengan 450 halaman bercetak tidak termasuk bahagian awalannya. Buku ini merupakan antara karya sejarah Sarawak yang awal ditulis oleh sarjana kolonial Barat. Walau bagaimanapun, besarnya pengaruh karya ini dapat dilihat berdasarkan kepentingan *HoS* sebagai antara rujukan penting dalam persejarahan Sarawak. Terdapat 17 bab kesemuanya yang masing-masing bertajuk: Bab 1 (Borneo), Bab 2 (Early History), Bab 3 (The Making of Sarawak), Bab 4 (The Pirates), Bab 5 (Rentap), Bab 6 (The Chinese Rebellion And Secret Societies), Bab 7 (The Sherip Masahor), Bab 8 (Muka), Bab 9 (The Last Pirates), Bab 10 (The Kayan Expedition), Bab 11 (The End of The First Stage), Bab 12 (The Beginning of The Second Stage), Bab 13 (Bruni), Bab 14 (The Sea-Dayaks), Bab 15 (The Rajah and Ranee), Bab 16 (Finance-Trade-Industries) dan Bab 17 (Education-Religion-Missions).

HS ditulis oleh Rakawi Yusuf "berpandukan" *HoS*, tulisan S. Baring-Gould dan C.A. Bampfylde. Dengan berpandukan *HoS*, Rakawi Yusuf tidak menyalin, memetik dan menterjemah sepenuhnya daripada



buku itu. Beliau bersikap selektif dan kritis dalam penulisannya. Rakawi Yusuf memilih aspek tertentu sahaja daripada buku tersebut, mengolahnya dengan gaya bahasa dan terjemahannya sendiri serta menyusun semula sesuai dengan kreativitinya. Justeru, perlu ditegaskan bahawa *HS* bukanlah karya terjemahan bulat-bulat daripada *HoS* meskipun buku itu merupakan sumber utama rujukan Rakawi Yusuf. Oleh itu, pemikiran yang terpancar menerusi *HS* dengan sendirinya mewakili pemikiran Rakawi Yusuf. Beliau menggunakan Bab 1-4 daripada *HoS* untuk menyiapkan *HS*. Dengan menyatakannya sebegini, Rakawi Yusuf memperlihatkan keberadaan sikap jujurnya dalam proses penulisan *HS*. Justeru, ketelusan ini dengan sendirinya memberlakukan pematuhaninya terhadap etika akademik dalam ranah penulisan. Kita melihat sikap inilah yang semakin terhakis dalam arena akademia dan kesarjanaan di negara kita dewasa ini, angkara pengaruh materialisme dan kapitalisme dalam profesion kepensyaraham.

Tidak banyak yang dapat diketahui tentang kedua-dua pengarang *HoS* berbanding pengarang *HS* – Rakawi Yusuf. S. Baring-Gould sudah dikenali kerana karyanya *The Tragedy of The Caesers* (masih tidak dapat dikenal pasti butiran lanjutnya) dan C.A. Bampfylde (pernah menjadi Residen di Sarawak) diakui oleh Charles Brooke sebagai “my old and much-esteem officer”. Rakawi Yusuf dilahirkan sekitar 1890-an di Kampung No. 3, Jalan Muhibbah, Kuching. Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Joseph dan Kolej Kebangsaan Sarawak.³ Sebelum menjadi pegawai kastam, Rakawi Yusuf pernah berkhidmat sebagai guru agama dan mengajar bahasa Melayu kepada pegawai Brooke dan Cina. Beliau dikenali sebagai ‘Master Rakawi’ kerana peranannya sebagai guru silat. Ini menjadikannya dihormati dan disegani oleh masyarakat Melayu sezaman. Pada 1934-1936, Rakawi Yusuf dilantik sebagai wakil orang Melayu dalam *Kuching Sanitary and Municipal Advisory Board*. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan dan penghormatan tinggi kepadanya. Melaluinya, Rakawi Yusuf dapat meneruskan usahanya membela hak dan kepentingan pribumi Melayu, selain menjadi proksi yang menyampaikan gagasan dan suara hatinya sejak penerbitan *Fajar Sarawak* (1930). Rakawi Yusuf juga merupakan tenaga pengasas PASPAM⁴ Cawangan Kuching⁵ pada 1936. Beliau dipercayai pernah menghadiri mesyuarat PASPAM di Singapura. Hubungannya dengan PASPAM dan Kesatuan Melayu Singapura tidak menghairankan kerana Rakawi Yusuf pernah beberapa kali melawat Tanah Melayu sekitar akhir 1920-an hingga awal 1930-an. Hasil kegiatan dan hubungan ini turut mendedahkan Rakawi Yusuf dengan perkembangan kegiatan penulisan dan kesedaran kebangsaan Melayu di Tanah Melayu.⁶

Selepas bersara daripada Jabatan Kastam, Rakawi Yusuf bersama Johari Anang, Daud Abdul Ghani, Abdul Rahman Kassim dan Awang Anang menerbitkan *Fajar Sarawak* pada 1 Februari 1930. *Fajar Sarawak* merupakan akhbar Melayu perjuangan terawal di Sarawak yang diterbitkan untuk menjana arus nasionalisme dan semangat pemajuan Melayu. Isi kandungan *Fajar Sarawak* mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial yang berlandaskan Islam sejarah dengan peranannya sebagai sayap perjuangan reformis Islam di Sarawak.⁷ Rakawi Yusuf benar-benar serius dan prihatin terhadap nasib dan masa depan Melayu yang masih ketinggalan jika dibandingkan dengan peribumi Melayu di Tanah Melayu, malah bangsa asing di tanah airnya sendiri. Dekadensi perit sedemikian disuarakannya dengan tegas menerusi *Fajar Sarawak*. Penerbitan *Fajar Sarawak* memberikan peluang kepada golongan intelektual Melayu tempatan mengetengahkan idea dan suara hati mereka mengenai kepentingan dan masa depan Melayu. Selain Rakawi Yusuf, antara penulis yang menonjol dalam kegiatan penulisan ialah Daud Abdul Ghani, Johari Anang,⁸ "Jad", "Bumiputera", "Al-Sayed Al-Tabrani" "Bongsu" dan "Anak Negeri", di samping penulis dari Brunei (Ahmad Syah) dan Medan (Muhammad Arsyad Lubis). Rakawi Yusuf dan Daud merupakan penulis paling banyak menyumbangkan tulisan dalam *Fajar Sarawak*, masing-masing menghasilkan lapan dan enam rencana.

Selepas pemberhentian *Fajar Sarawak* atas sebab-sebab kewangan, Rakawi Yusuf masih lagi bergiat aktif dalam bidang penulisan. Beliau menyalurkan gagasan dan perjuangannya melalui novel *Melati Sarawak*⁹ dan *HS*. Kedua-duanya diterbitkan oleh Sarawak Printing Company pada 1932. *Melati Sarawak* tidak disadur daripada sebarang karya sastera sama ada dari Tanah Melayu, Indonesia dan Timur Tengah. *HS* pula ialah karya sejarah yang dihasilkannya berdasarkan *Selsilah*, tulisan Hugh Low dan *A History of Sarawak Under Its Two Rajahs 1839-1908*, tulisan S. Baring-Gould dan C.A. Bamfylde.¹⁰

Usaha penubuhan Persatuan Melayu Sarawak (PMS) adalah sumbangan terakhir Rakawi Yusuf seiring dengan perkembangan persatuan-persatuan Melayu di Tanah Melayu. Tetapi, beliau tidak sempat menyaksikan penubuhannya kerana kembali ke rahmatullah pada 1936. PMS didaftarkan secara rasmi pada 10 Oktober 1939. Penubuhannya bertujuan menyatupadukan masyarakat Melayu demi membela hak serta kepentingan mereka di tanah air sendiri.

Jika ditinjau semula perkembangan kegiatan penulisan sebelum Perang Dunia Kedua, Rakawi Yusuf ialah tokoh prolifik yang menyalakan sumbu keintelektualannya sejak awal 1930-an. Beliau merupakan wartawan, novelis dan sejarawan tradisional Melayu di Sarawak. Lantaran itu, kegiatan penulisan pada 1930-an sangat sinonim dengan namanya. Rakawi Yusuf meneruskan usaha Ahmad Syawal Abdul

Hikayat Sarawak adalah sebuah karya sejarah tradisional paling awal diterbitkan di Sarawak. Merupakan persejarahan negeri yang punya keistimewaan tersendiri dalam konteks persejarahan Malaysia. Pengkaryanya, Muhammad Rakawi Yusuf adalah seorang nasionalis dan novelis Melayu berjiwa kritis dan mendukung gagasan pembaharuan Kaum Muda. Rakawi menyifatkan imperialis Barat persis seekor ular yang melingkari Borneo. Rakawi menyaksikan sendiri negerinya diperintah rejim Brooke dan birokrat kulit putih yang sompong bangga dengan kebudayaan mereka. Rakawi resah gelisah melihat nasib anak watan yang miskin serba-serbi; sedang pada waktu sama, kekayaan tanah airnya disedut bangsa asing yang mengecapi kemajuan ekonomi dan pendidikan. Berbanding nasib putera bumi Sarawak yang dibelenggu kemiskinan dan kemunduran ilmu. Malahan, dokumen dan karya sejarah yang ditulis dari sudut pandang kolonial, termasuk penulis upahan Brooke; menghina budaya putera bumi manakala pejuang antikolonial pula dicap sebagai lanun dan pemberontak. Beranikah Rakawi mencabar dogma ini sekali gus menyanggah kejalangan ilmiah penulis upahan rejim Brooke? Tegasnya, persoalan tersebut hanya terjawab secara tuntas jika perbandingan dibuat antara pemikiran kesejarahan Rakawi dalam *Hikayat Sarawak* dengan *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs* (1909), karya S. Baring -Gould dan C. A. Bampfylde.



9 789831 004685

05000

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA BERKUNJUNG KE:

KOLEKSI BORNEO
PUSAT DOKUMENTASI MELAYU TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK
JALAN TUN DATUK PATINGGI ABD. RAHMAN YAAKOB
PETRA JAYA
93050 KUCHING, SARAWAK.

ATAU HUBUNGI:

ENCIK MOHD. HAPIZAN ABDULLAH
TELEFON: 082-227048
E-MEL: mohdhabizan@dbp.gov.my

PUAN TERESA CHONG
TELEFON: 082-227052
E-MEI : teresa@dbp.gov.my

"BAHASA JIWA BANGSA"

"MEMELIHARA WARISAN MEMUPUK WAWASAN"

